

# Masyarakat perlu peka elak jenayah buli berleluasa

Berita HARIAN (14/12/2021) M/S 13

Nurulhijjah  
Makmur,  
Nilai, Negeri  
Sembilan

**Ketika** zaman bertambah maju, pemikiran masyarakat dilihat semakin mundur apabila kes buli kerap dilaporkan, malah kelihatan seolah-olah menjadi kebiasaan. Sedangkan, sudah menjadi pengetahuan umum buli bukanlah perbuatan yang baik, jauh sekali bertamadun.

Sebelum ini kita biasa mendengar mengenai perlakuan buli fizikal, iaitu mencederakan mangsa sama ada menendang, pukul atau tumbuk. Tahap keganasan ini menyebabkan mangsa terpaksa mendapatkan rawatan di hospital, malah lebih teruk ada yang meninggal dunia dan pelaku diheret ke mahkamah.

Namun buli tidak terhad kepada penderaan fizikal sahaja, sebaliknya ia boleh berlaku dalam bentuk penganiayaan mental, selain buli di alam siber.

Dalam konteks buli secara mental, ia mungkin tidak melukakan fizikal mangsa, tetapi perbuatan itu menyebabkan kesakitan secara batin. Kerap diejek, dimaki hamun, malah diugut menyebabkan mangsa mengalami rasa terluca yang amat dalam, sekali gus mencederakan mentalnya. Apatah lagi jika yang diejek itu sesuatu sukar diubah, misalnya penampilan fizikal atau hal berkaitan genetik.

Ketika ini kita kerap juga mendengar atau membaca komen kurang sopan netizen di media sosial. Ada sahaja yang mahu dikritik, semuanya serba tidak kena. Mengapakah hal sebegini terjadi? Mungkinkah mahu bergurau atau sebenarnya iri hati dengan pencapaian mangsa?

Lebih penting lagi, mengapa perlu menjadi pembuli? Jika dilihat ada banyak faktor yang memungkinkan seseorang itu cenderung membuli. Mungkin antaranya, si pelaku pernah mengalami pe-

ristiwa yang sama dilakukan oleh orang lain ke atas diri mereka. Selain itu, boleh jadi juga dia berasal daripada keluarga yang berantakan.

Namun, semua faktor itu tidak menghalalkan si pelaku menjadi pembuli. Tidaklah kerana pernah trauma menjadi mangsa buli ketika kecil, maka perlu membalas dendam dengan membuli orang lain.

Sebagai hamba Allah, seharusnya hidup harmoni sesama kita kerana dari situlah datang ketenangan. Dalam surah An-Nisa ayat 36, Allah SWT mengingatkan, *"Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, tetangga yang*

*dekat dan jauh, serta teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."*

Sementara itu bagi anda yang menjadi mangsa, mungkinkah penampilan yang lemah menyebabkan hal itu terjadi. Kita berhak untuk tidak dibuli. Yakinkan diri dan kuatkan hati. Mungkin sebagai langkah terawal, belajarliah ilmu mempertahankan diri.

Selain itu kita sebagai rakan dan ahli masyarakat, jika tahu rakan dibuli janganlah mendiamkan diri andai mendengar aduan mengenainya, lekaslah ambil tindakan. Jangan lindungi perbuatan jenayah ini.



Perlakuan buli mendatangkan kecederaan terhadap mangsa, malah ada yang meninggal dunia. (Foto hiasan)